

'Keluarga tulang belakang saya'

oleh MUKHRIZ MAT HUSIN 05 Disember 2022 09:30pm **Masa membaca: 2 minit**



Maizan bersama kedua ibu bapanya melihat ijazah yang diterima pada Majlis Konvokesyen UIAM ke-38 pada Isnin.

SHAH ALAM - Seorang graduan orang kurang upaya (OKU), Maizan Nordin, 29, yang menghidap kecacatan fizikal (spina bifida) sejak kecil berjaya menggenggam segulung ijazah pada Majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ke-38.

Graduan ijazah program Sains Kemanusiaan (Sains Politik) itu berkata, banyak cabaran dan liku-liku yang terpaksa ditempuhinya sepanjang tempoh pengajian.

Bagaimanapun, dengan iltizam yang tinggi dan sokongan daripada keluarganya, Maizan tekad mencabar dirinya untuk terus berusaha serta tidak memandang kekurangan dirinya sebagai satu bentuk halangan untuk meraih kejayaan.



Maizan menerima ijazah yang disampaikan Syed Hussien pada Majlis Konvokesyen UIAM kali ke-38 pada Isnin.

“Walaupun saya menghadapi masalah-masalah lain dan sering keluar masuk hospital, namun ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus bersemangat dalam meneruskan pengajian saya.

"Saya juga menghadihkan ijazah ini kepada kedua ibu bapa serta adik-beradik saya kerana mereka menjadi tulang belakang dan kekuatan saya untuk terus cecal dan bersemangat," katanya ketika ditemui media pada Isnin.

Skrol tersebut disampaikan Ahli Lembaga Gabenor UIAM, Datuk Seri Dr Syed Hussien Abd Kadir AlHabshee pada Majlis Konvokesyen UIAM ke-38 bagi sidang keempat di UIAM Kampus Gombak pada Isnin.

Maizan yang juga anak bongsu daripada empat beradik berkata, dia tidak terkecuali berdepan kekangan untuk belajar dalam talian ketika negara berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sepanjang tempoh PKP agak sukar kerana perlu belajar bersendirian. Kalau di kampus ramai rakan akan membantu dan boleh belajar bersama, namun bila belajar secara dalam talian akan berasa keseorangan," katanya.

Bagaimanapun, dia kembali bersemangat apabila dapat ke kampus semula untuk menghabiskan pengajiannya bersama rakan-rakan sekuliahnya.

"Saya bersyukur kerana ramai rakan sekuliah saya banyak membantu dan mereka sabar, termasuk juga pensyarah yang banyak bersabar sepanjang saya belajar sehingga tamat pengajian," ujarnya.



Ibu bapa Maizan mencium anaknya kerana berjaya meraih ijazah pada Majlis Konvokesyen UIAM ke-38 yang berlangsung di UIAM Kampus Gombak.

Dalam pada itu, bapa Maizan, Nordin Noh, 69, mengakui banyak cabaran dihadapi ketika membesarkan anaknya itu dan boleh dikatakan hospital adalah sebagai rumah kedua mereka memandangkan Maizan juga mengalami masalah kesihatan yang lain.

"Hospital boleh diibaratkan sebagai rumah kedua kami dan isteri saya terpaksa berhenti kerja untuk menjaga dan menguruskan Maizan.

"Saya juga berbangga dengan pencapaian Maizan dan kami sekeluarga amat bersyukur atas kejayaan yang dikecapi hari ini. Dia juga turut mengikut jejak adik-beradiknya yang lain untuk menggenggam segulung ijazah," jelasnya.

Maizan kini mengambil kursus jangka pendek di Akademi Air Asia dalam bidang Data Analitik.

